

STPM Kertas 1 2020:

Soalan 2 Jawapan yang dicadangkan

(a) Maksud paten:

Paten adalah satu aset tak ketara yang merujuk kepada hak eksklusif yang diberikan kepada pemegang paten untuk membuat dan menjual ciptaannya yang berdaftar dengan badan kerajaan untuk satu tempoh yang ditetapkan.

(b) (i) Dua daripada ciri-ciri yang penting bagi pengiktirafan aset yang berkaitan dengan situasi yang diberikan adalah:

1. Aset itu mestilah di bawah kawalan perniagaan; dan,
2. Nilai aset itu boleh diukur secara kepastian.

Kepakaran dan kemahiran Zul tidaklah di bawah kawalan perniagaan dan juga tidak boleh diukur secara kepastian. Oleh yang demikian, kepakaran dan kemahiran tidak boleh diiktiraf sebagai aset.

(ii) Prinsip perakaunan asas akruan memerlukan belanja terlibat dalam sesuatu tempoh dipadankan dengan hasil terperoleh dalam tempoh yang sama supaya pengukuran untung atau rugi bersih perniagaan adalah betul. Aset yang dibeli digunakan dalam perniagaan bagi menjana hasil sepanjang usia guna aset tersebut. Jadi, kos belian aset ini merujuk kepada beberapa tempoh. Maka, kos belian ini akan diagihkan secara sistematik kepada tempoh-tempoh penggunaannya. Amaun yang diagihkan ini dikenali sebagai belanja susut nilai dan agihan ini tidak melibatkan aliran tunai.

(c) (i) Jurnal penerimaan dan pembayaran tunai:

Jurnal Penerimaan tunai

Tarikh	Butir	Ruj	Diskaun	Tunai	Bank	Jualan	ABT	Pelbagai
2019			RM	RM	RM	RM	RM	RM
Jan 1	Jualan	Bil124		850		850		
2	Kedai David	CT452	425		8,075		8,500	
10	ABT	R49		4,200			4,200	
11	Hasil komisen	R50		300				300
20	Jualan	Bil0125		1,315		1,315		
28	ABT	R51		1,850			1,850	
			425	8,515	8,075	2,165	14,550	300

Jurnal Pembayaran tunai

Tarikh	Butir	Ruj	Diskaun	Tunai	Bank	Belian	ABB	Pelbagai
2019			RM	RM	RM	RM	RM	RM
Jan 5	Belanja utiliti	BI001			250			250
6	Belian	Bil458		2,170		2,170		
10	Belanja sewa	BI002			1,800			1,800
12	Sykt Tee SB	BI003			7,300		7,300	
			-	2,150	9,350	2,170	7,300	2,050

(ii) Penyediaan akaun kawalan belum terima:

Akaun Kawalan Belum Terima

2019		RM	2019		RM
Jan 1	Baki b/b	29,500	Jan 31	Bank & diskau	14,550
31	Jualan	32,850		Pulangan jualan	1,530
				Hutang lapuk	510
				Baki h/b	45,670
		62,350			62,350
Feb 1	Baki b/b	45,870			